

'Fakulti' akan diguna untuk ganti terma 'Sekolah' di UMS mula 1 Jun

Tracy Patrick

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menggunakan terma 'Fakulti' dan bukan lagi 'Sekolah' untuk merujuk kepada entiti akademiknya bermula 1 Jun tahun ini.

Universiti juga akan menstrukturkan semula 13 sekolahnya kepada 10 Fakulti sebagai sebahagian usaha untuk mentransformasikan menjadi institusi antarabangsa yang lebih mengagumkan.

Naib Canselor Universiti Prof Datuk Harun Abdullah berkata walaupun menukar nama senang, ia adalah perlu untuk universiti itu menyusun semula diri sendiri untuk memperkasakan ekosistem siswazah dan pascasiswazahnya.

"Transformasi ini perlu kerana universiti di negara ini menghadapi cabaran semasa dan masa depan termasuk globalisasi, pengantarabangsaan,

isu kebolehpasaran graduan, jangkaan yang tinggi pemegang amanah dan penurunan peruntukan.

"Isu ini telah digariskan dalam Pelan Strategik UMS 2013-2017 yang mengandungi tujuh Bidang Keberhasilan Utama (KRA) untuk menentukan arah universiti untuk menjadi sebuah universiti yang mempunyai reputasi di seluruh negara dan peringkat antarabangsa," katanya semasa majlis pengisytiharan fakulti di Dewan Resital UMS di sini pada Khamis.

Beliau berkata perubahan nama itu adalah wajar untuk mengoptimalkan sumber dan kemudahan universiti.

Penggunaan Sekolah untuk merujuk kepada jabatan akademik universiti, katanya telah membawa banyak kekeliruan terutamanya kepada ibu bapa dan orang awam.

"Pada pendapat mereka, terma

'Sekolah' digunakan untuk mewakili satu tahap pendidikan yang lebih rendah daripada tahap universiti.

Di bawah amalan itu, Sekolah Sains dan Teknologi dan Sekolah Perhutanan dan Tropika Antarabangsa akan digabungkan di bawah Fakulti Sains dan Sumber Alam, Sekolah Pengajian Seni dan Sekolah Sains Sosial akan dikenali sebagai Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan sementara Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial dan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial akan dikenali sebagai Fakulti Psikologi dan Pendidikan.

Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat akan dikenali sebagai Fakulti Kejuruteraan, Sekolah Sains Informatik Labuan akan menjadi Fakulti Komputeran dan Informatik, Sekolah Pertanian Lestari akan menjadi Fakulti Pertanian Lestari dan Sekolah Sains Makanan dan

Pemakanan akan menjadi Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan.

Sekolah Perniagaan dan Ekonomi akan menjadi Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan akan menjadi Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan dan Sekolah Perubatan akan menjadi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Sementara itu, semasa sidang media, Harun mendedahkan bahawa universiti terus menerima permohonan daripada pelajar antarabangsa yang ingin belajar di universiti terutamanya pelajar dari China, Jepun, Indonesia dan Turkey.

"Kami pada masa ini bekerjasama dengan kerajaan Timor Leste di mana kami akan mengambil kira-kira 20 pelajar daripada negara itu untuk mengambil kursus pendek dalam industri

minyak dan gas. Tidak lama lagi, kursus itu akan dilanjutkan untuk memasukkan pengajian ijazah pertama dan pascasiswazah.

"Untuk soalan sama ada insiden MH370 memberi kesan kepada pengambilan pelajar Cina, jawapan ialah tidak. Sebenarnya jumlah pelajar dari negara itu meningkat kira-kira 5 hingga 10 peratus tahun ini," katanya.

Pelajar asing terutamanya China, tambah Harun, akan menjalani kursus intensif bahasa Inggeris sebelum mereka melanjutkan pelajaran mereka di universiti itu.

Bermula tahun ini, universiti akan memendekkan kursus itu daripada enam bulan ke empat bulan.

"Kumpulan pertama sudah pun menghabiskan kursus mereka dan kumpulan kedua akan mula pada bulan ini. Pengambilan seterusnya ialah pada September," katanya.